(b) *Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang diberikan dengan membetuk* **kata ganda separa berimbuhan.**

jahit kejar bantu raba kecil

1 Kita hendaklah __________________ dalam hidup bermasyarakat.

2 Syafiq dan adiknya __________________ di pantai sambil bermain air.

3 Zakiah berniaga __________________ untuk menampung perbelanjaan keluarganya.

4 Adlin __________________ mukanya yang bengkak akibat kemalangan tempoh hari.

5 Amna mengambil kursus __________________ sambil menunggu keputusan SPM keluar.

(c) *Gariskan* **kata ganda berentak** *yang paling sesuai dalam ayat-ayat di bawah.*

1 (Kuih-muih, Rempah-ratus) yang dijual oleh Mak Cik Khadijah enak sekali.

2 Penduduk Kampung Kenanga terkenal dengan sikap (segar-bugar, ramah-tamah).

3 Murid-murid sekolah itu dikejarkan ke hospital kerana mengalami (cirit-birit, pucat-pasi).

4 Azfar lari (lintang-pukang, simpang-siur) apabila dikejar anjing semasa pulang dari padang.

5 Suasana di Bazaar Baru Chow Kit memang (hingar-bingar, kucar-kacir) dengan suara para penjual dan pembeli.

## Kata Majmuk

### NOTA CERDIK

**Bentuk Kata Majmuk**

1 Kata majmuk merupakan proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang membawa makna yang khusus.
2 Kata majmuk dieja terpisah tetapi bertindak sebagai satu unit, iaitu kata majmuk tidak boleh menerima sebarang penyisipan unsur lain.
3 Terdapat beberapa kategori kata majmuk, iaitu:
   (a) Kata majmuk rangkai kata bebas. Contoh: *jam tangan, nasi minyak, bom tangan, meja tulis*
   (b) Kategori ini termasuk juga gelaran seperti: *Perdana Menteri, Ketua Menteri, Raja Muda, Duta Besar, Naib Canselor, Profesor Madya, Ketua Setiausaha Negara*
   (c) Kata majmuk istilah khusus. Contoh: *garis pusat, kertas kerja, cari gali, segi tiga, pita suara*
   (d) Kata majmuk kiasan (peribahasa). Contoh: *kaki ayam, pilih kasih, duit kopi, kaki bangku*
4 Namun begitu, terdapat 15 kata majmuk yang sudah mantap penggunaannya dan dieja sebagai satu perkataan.

| KATA MAJMUK MANTAP (Dijadikan Petikan supaya Mudah Menghafal) |
|---|
| (1) SETIAUSAHA bahagian (2) SURUHANJAYA atas arahan (3) PESURUHJAYA, membuat catatan, kemudian (4) TANDATANGAN borang lalu (5) BERITAHU semua (6) KAKITANGAN akan perlunya (7) KERJASAMA menjalankan (8) TANGGUNGJAWAB sebagai seorang (9) WARGANEGARA dalam kalangan (10) BUMIPUTERA. Selepas itu, (11) JAWATANKUASA memutuskan peserta (12) OLAHRAGA berlatih secara (13) SUKARELA di bawah cahaya (14) MATAHARI untuk pemilihan peringkat (15) ANTARABANGSA. |

**Penggandaan Kata Majmuk**

Penggandaan kata majmuk melibatkan penggandaan unsur pertama sesuatu kata sahaja. Contoh: *alat-alat tulis, gambar-gambar rajah, [illegible], kapal-kapal terbang*



© Global Mediastreet Sdn. Bhd. (Co. No. 767284-U)

LIVEWORKSHEETS